



IMPLIKASI PENGGUNAAN KOMPUTER TERHADAP POLA KOMUNIKASI KELUARGA DAN MASA BERKOMUNIKASI DALAM KELUARGA PETANI MELAYU DI MALAYSIA

Haniff Hassan

*Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian
Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia*

Jusang Bolong
Siti Zobidah Omar
Narimah Ismail

Universiti Putra, Malaysia

Musa Abu Hasan

Universiti Sains Islam, Malaysia

Abstrak

Perkongsian maklumat pertanian adalah penting melalui proses komunikasi dalam keluarga petani Melayu. Pola komunikasi keluarga dan jangka masa berkomunikasi antara ahli keluarga Melayu boleh mewujudkan sosialisasi antara ibubapa dan anak petani dalam menanam minat bidang pertanian. Bagaimanapun, kehadiran komputer dan internet dikatakan boleh menjejaskan jangka masa komunikasi dalam keluarga Melayu. Kajian ini mengemukakan implikasi penggunaan komputer terhadap pola komunikasi keluarga dan jangka masa berkomunikasi. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan, dengan mengambil sejumlah 217 responden Melayu yang memiliki komputer dari kalangan keluarga petani yang mewakili di empat zon utama (Perlis, Negeri Sembilan, Selangor dan Terengganu). Hasil kajian mendapati tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara Orientasi Perbualan dengan Penggunaan Komputer ($r = -0.024$, $p > .05$) Walau bagaimanapun, didapati terdapat hubungan signifikan yang negatif, antara oreintasi keakuran dengan penggunaan komputer ($r = -0.142$, $p < 0.05$). Perkaitan jangkamasa berkomunikasi adalah signifikan dengan penggunaan komupter ($r = 0.143$, $p < 0.05$). Dapat dirumuskan bahawa penggunaan komputer memberi

pengaruh yang signifikan terhadap orientasi keakuran dan jangka masa berkomunikasi anak dan bapa sahaja, tetapi tidak dengan ibu.

Kata kunci: Penggunaan computer, pola komunikasi keluarga, orientasi perbualan, orientasi keakuran jangkamasa berkomunikasi.

Pengenalan

Perkembangan ICT khususnya komputer dan internet memang mempunyai kesan yang signifikan ke atas kehidupan manusia. Komputer dan internet membolehkan pengguna memperoleh maklumat dan dapat berkomunikasi dengan lebih pantas. Malah sebarang keputusan juga dapat dibuat dengan lebih pantas dan cekap kerana maklumat-maklumat terkini dapat diperoleh dengan cepat.

Penggunaan komputer dan internet juga memberi kesan kepada masa yang diluangkan bersama keluarga. Terdapat pandangan bahawa penggunaan komputer dan internet dikaitkan secara negatif dengan masa bersama keluarga. Alasannya ialah, masa yang digunakan untuk sesuatu aktiviti akan mengurangkan masa untuk aktiviti lain (Nie et al., 2002; Nie, Simpson, Stepanikova, & Zheng, 2004). Ini benar kerana penggunaan internet misalnya merupakan aktiviti yang mengambil masa yang lama, dan sebarang keterlibatan ahli-ahli keluarga dengan aktiviti komputer dan internet akan menjurus kepada hubungan yang negatif dengan masa bersama keluarga, dan juga secara positif kaitannya dengan peningkatan konflik dalam keluarga. Malah ibu bapa dan anak-anak juga bimbang sekiranya penggunaan internet akan memberi kesan yang negatif kepada komunikasi keluarga dan ikatan erat sesama ahli keluarga (Jackson et al., 2003; Turow & Nir, 2000). Pandangan ini disokong oleh kajian-kajian yang mendapati bahawa penggunaan internet telah secara negatif dikaitkan dengan masa yang diluangkan bersama keluarga. Malah pengurangan masa bersama keluarga didapati lebih tinggi disebabkan oleh penggunaan internet berbanding menonton televisyen (Nie et al., 2004). Berdasarkan kurangnya kajian berkaitan proses kekeluargaan dikaitkan dengan penggunaan komputer dan internet terhadap keluarga petani di Malaysia, kajian ini mencadangkan satu rangka kajian untuk mengaitkan penggunaan komputer dan

internet dengan pola komunikasi keluarga serta masa berkomunikasi dalam kalangan keluarga petani. Ini kerana, komunikasi dalam keluarga telah pun diketahui adalah penting dalam proses sosialisasi dalam kalangan anak-anak (Avtgis, 1999; Barbato, Graham, & Terse, 2001; Chaffee, McLeod, & Wackman, 1970; McLeod. Harburg, & Price, 1966; Orrego & Rodriguez, 2001; Stone & Chaffee, 1970), namun apakah yang berlaku terhadap masa komunikasi dalam keluarga apabila wujud teknologi komputer di rumah? Adakah teknologi ini tidak merubah situasi sedia ada, ataupun memberikan impak yang lebih besar kepada keluarga tersebut? Untuk menyingkap fenomena di atas, kajian ini mengutarakan beberapa objektif, iaitu : 1) mengenal pasti penggunaan komputer dan Internet dalam kalangan keluarga petani Melayu, 2) mengenal pasti kekerapan dan jangka masa penggunaan Komputer dalam kalangan petani Melayu, 3) mengenal pasti pola komunikasi keluarga dalam kalangan keluarga petani Melayu, 4) mengenal pasti jangka masa berkomunikasi dalam keluarga petani Malayu, 5) menentukan implikasi penggunaan komputer terhadap Orientasi Perbualan dan Orientasi Keakuran, dan 6) menentukan implikasi penggunaan komputer terhadap kekerapan dan jangka masa berkomunikasi dalam keluarga petani Melayu di Malaysia

Penggunaan komputer dan internet

Penggunaan komputer juga sering digambarkan mempunyai kesan kepada keluarga, kerana penggunaan komputer dikatakan telah merubah corak interaksi yang berlaku dalam sesebuah keluarga. Malah kewujudan komputer dan Internet dalam sesebuah keluarga juga dikatakan berupaya merubah kualiti perhubungan dalam keluarga (Mesh, 2006). Ini berkaitan rapat dengan kenyataan bahawa penggunaan komputer sering melalaikan penggunaanya, dan secara tidak langsung akan menyebabkan pengguna kurang prihatin untuk berinteraksi dengan ahli-ahli lain dalam keluarga tersebut khususnya, ibu bapa. Senario ini telah menyebabkan proses interaksi antara ahli-ahli keluarga, terutamanya antara anak-anak dan ibu bapa terganggu, dan sedikit sebanyak menyebabkan proses penyampaian maklumat daripada ibu bapa kepada anak-anak, dan sebaliknya tidak berjalan dengan lancar. Keadaan ini sekiranya berterusan akan menjejaskan harapan ibu bapa supaya anak-anak mengikut jejak mereka dalam meneroka kehidupan, dan mencipta kegemilangan, baik dalam apa jua bidang yang menjanjikan kehidupan yang lebih sempurna.

Perkembangan yang begitu pesat dalam teknologi ini juga telah membuka ruang kepada sarjana di seluruh dunia untuk meneroka fenomena kesan teknologi maklumat ini ke atas keluarga. Pelbagai kajian telah dilakukan oleh para sarjana untuk melihat fenomena kewujudan komputer dalam keluarga. Antaranya ialah dari aspek pelajaran

(Turow & Nir, 2000; Lenhart, Raine, & Lewis, 2001; Livingstone & Bober, 2004); masa komunikasi dalam keluarga (Nie, Hillygus & Erbing, 2002; Nie, Simpser, Stepanikova, & Zheng, 2004); hubungan kekeluargaan (Mesch, 2003); hiburan (Livingstone & Bober, 2004; Lenhart & Madden, 2005); dan, juga perhubungan sosial (Livingstone & Bober, 2004; Lenhart & Madden, 2005).

Pola Komunikasi Keluarga dan Jangkamasa Berkomunikasi

Dalam kajian ini, komunikasi keluarga adalah dirujuk kepada i) Pola Komunikasi Keluarga yang mengandungi dua dimensi, iaitu orientasi perbualan (*conversation orientation*) dan orientasi keakuran (*conformity orientation*) (Fitzpatrick & Ritchie, 1994; Ritchie & Fitzpatrick, 1990), dan ii) Kekerapan dan Jangkamasa berkomunikasi dalam keluarga.

Orientasi Perbualan

Orientasi perbualan adalah keadaan di mana interaksi bebas berlaku dalam sesebuah keluarga. Penyertaan ahli keluarga dalam perbualan lebih terbuka untuk membincangkan pelbagai perkara. (Koerner & Fitzpatrick, 1997). Menurut Koerner & Fitzpatrick (2002), orientasi perbualan didefinisikan sebagai keadaan di mana keluarga membentuk suasana di mana semua ahli keluarga adalah digalakkan untuk menyertai interaksi secara bebas dalam pelbagai topik dan isu. Sekiranya dimensi ini adalah tinggi, ini membawa maksud, setiap ahli keluarga adalah bebas, kerap dan interaksi antara satu sama lain secara spontan. Mereka sentiasa meluangkan banyak masa untuk berinteraksi dan perbincangan adalah meliputi pelbagai topik dan isu. Sekiranya kedudukan komunikasi dalam keluarga adalah di peringkat rendah bagi dimensi orientasi perbualan, ini membawa maksud, ahli-ahli keluarga tersebut kurang berinteraksi antara satu sama lain, dan mereka cuma berbincang beberapa perkara yang penting sahaja (Koerner & Fitzpatrick, 2002).

Orientasi Keakuran

Orientasi keakuran didefinisikan sebagai keadaan bila mana keluarga membentuk suasana yang menekankan unsur-unsur kehomogenan berkaitan sikap, nilai dan

kepercayaan. Keluarga yang tinggi dalam dimensi ini dikatakan mempunyai interaksi yang menekankan keseragaman kepercayaan, dan sikap. Interaksi mereka biasanya memberi fokus kepada keakuran, pengelakan konflik, dan saling bergantung sesama ahli keluarga. Kebiasaannya, ahli keluarga akan mentaati keputusan ibu bapa. Komunikasi dalam keluarga begini lebih menonjolkan elemen ketaatan kepada ibu bapa dan orang yang lebih tua (Koerner & Fitzpatrick, 2002). Sekiranya sesebuah keluarga itu mempunyai nilai orientasi-keakuran yang rendah, interaksi dalam keluarga tersebut adalah lebih memberi fokus kepada sikap dan nilai yang heterogen, yang menonjolkan elemen-elemen individualistik dan penuh dengan kebebasan. Komunikasi dalam keluarga ini adalah refleksi kepada konsep kesamarataan dalam kalangan ahli keluarga, iaitu, anak-anak selalunya dilibatkan dalam proses membuat keputusan (Koerner & Fitzpatrick, 2002).

Kekerapan dan Jangkamasa berkomunikasi dalam keluarga.

Kekerapan dan jangkamasa berkomunikasi dalam kajian ini, merujuk kepada kekerapan berkomunikasi dan tempoh masa yang digunakan oleh ahli-ahli keluarga untuk berkomunikasi sesama mereka. Tempoh masa yang dikaji adalah proses komunikasi yang berlaku antara ibu bapa dan anak. Tempoh masa ini penting kerana dimensi inilah yang akan menentukan kuantiti interaksi yang berlaku dalam sesebuah keluarga, dan menentukan bentuk dimensi orientasi dalam sesebuah keluarga, sama ada lebih kepada orientasi keakuran ataupun orientasi perbualan.

Penggunaan Komputer dan Internet dalam Keluarga

Penggunaan komputer melibatkan beberapa aspek tentang pemilikan dan penggunaan komputer. Antara soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut; i] Siapa yang kerap menggunakan komputer di rumah, ii] Kekerapan menggunakan komputer dalam seminggu (ratio); iii] Jangkamasa menggunakan komputer setiap kali. Manakala penggunaan Internet merangkumi beberapa soalan seperti, i] Siapa yang kerap

menggunakan Internet? Soalan yang dikemukakan kepada responden adalah berbentuk aneka pilihan, dan soalan terbuka.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang dijalankan di empat kawasan di Semenanjung Malaysia. Kawasan berkenaan adalah zon utara, tengah, selatan dan timur. Bagi setiap kawasan satu negeri telah dipilih secara rawak untuk mewakili kawasan berkenaan. Negeri yang terpilih adalah Perlis (Utara), Selangor (Tengah), Negeri Sembilan (Selatan, dan Terengganu (Timur). Bagi kawasan utara (Perlis) populasi penanam padi dan pekebun kecil getah telah dikenalpasti, manakala bagi kawasan tengah (Selangor) populasi penanam padi dan pekebun kecil kelapa sawit dipilih. Sementara itu bagi kawasan selatan (Negeri Sembilan) pekebun kecil dua jenis tanaman adalah kelapa sawit dan getah, manakala bagi kawasan timur (Terengganu) pula pekebun kecil getah dan kelapa sawit telah dikenalpasti.

Bagi menentukan populasi dan sampel kajian untuk setiap kawasan, bantuan dan kerjasama daripada agensi telah perolehi. Untuk mengenalpasti pekebun kecil kelapa sawit bagi kawasan terpilih bantuan pihak MPOB telah diperolehi, sementara pihak Risda pula memberi bantuan dalam mengenalpasti responden yang terdiri daripada pekebun kecil getah. Sampel penanam padi pula dikenalpasti dengan bantuan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Pertubuhan Peladang Kawasan, dan MADA.

Responden kajian terdiri daripada ibu atau bapa dan anak yang berumur 12 hingga 25 tahun dan tinggal bersama ibu bapa. Agihan responden mengikut jenis tanaman dan kawasan adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Pola komunikasi keluarga petani Melayu dalam kajian ini terdiri daripada dua bentuk orientasi komunikasi, iaitu orientasi perbualan (*conversation orientation*) dan orientasi keakuran (*conformity orientation*). Sebanyak 15 item terkandung dalam orientasi

perbualan, manakala orientasi keakuran pula mengandungi 11 item. Kedua-dua orientasi ini di ukur menggunakan skala 4 poin seperti berikut; 1 - Tidak Setuju, 2 - Agak Setuju, 3 - Setuju, dan 4 - Sangat setuju.

Jadual 1 : Taburan bilangan petani Melayu yang menjadi responden kajian

Kawasan	Negeri (N = 460)	Tanaman	Bil. Responden
Utara	Perlis (n = 115)	Padi	75
		Getah	40
Tengah	Selangor (n = 115)	Padi	75
		Kelapa sawit	40
Selatan	N. Sembilan (n = 115)	Getah	55
		Kelapa sawit	60
Timur	Terengganu (n = 115)	Getah	55
		Kelapa sawit	60
JUMLAH			460

Bagaimanapun, kajian ini hanya mengambil responden yang mempunyai komputer dan internet sahaja iaitu sejumlah 217 orang.

Prauji Kajian

Prauji telah dilaksanakan di Daerah Hulu Selangor yang melibatkan seramai 30 buah keluarga petani yang memiliki komputer, yang terdiri daripada dua orang wakil setiap keluarga, iaitu Anak dan juga Ibu atau bapa. Kriteria pemilihan responden adalah anak dalam keluarga petani yang ibu bapa mereka menjalankan aktiviti pertanian dalam tiga jenis tanaman, iaitu getah, padi dan kelapa sawit, mereka ini mestilah berumur 12 tahun

ke atas, dan tinggal bersama ibu bapa mereka. Seorang lagi wakil adalah ibu atau bapa yang merupakan petani itu sendiri yang mengusahakan tiga jenis tanaman di atas.

Ujian Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan sesuatu instrumen itu ditunjukkan oleh darjah pekali kebolehpercayaan itu sendiri. Guilford dan Ruchter (1973) mencadangkan bahawa pekali kebolehpercayaan seharusnya melebihi 0.70, sebagai penanda aras untuk penerimaan sesuatu instrumen. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan darjah pekali kebolehpercayaan 0.70 nilai alfa Cronbach sebagai penanda aras untuk menerima instrumen yang digunakan dalam soal selidik.

Bagi kajian ini, ujian kebolehpercayaan telah diaplikasikan ke atas instrumen Semakan Pola Komunikasi Keluarga (RFCP) yang mengandungi dua dimensi dalam orientasi komunikasi keluarga, iaitu, Orientasi Perbualan yang mengandungi 15 item, dan Orientasi Keakuran yang terdiri daripada 11 item. Hasil ujian adalah seperti dalam Jadual 2 seperti di bawah.

Jadual 2 : Nilai alpha Cronbach (α) Instrumen Pola Komunikasi Keluarga semasa Prauji

Pembolehubah	Nilai pekali alfa Cronbach(α)	
	Anak (n = 15)	Ibu bapa (n = 15)
Orientasi Perbualan	0.863	0.797
Orientasi Keakuran	0.796	0.794

Berdasarkan nilai pekali alfa Cronbach yang melebihi .70 untuk instrumen Orientasi Perbualan dan Orientasi Keakuran seperti dalam Jadual di atas, kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah diterima. Kajian ini menggunakan analisis statistik deskriptif melibatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Ujian Korelasi Pearson dilaksanakan untuk menentukan implikasi penggunaan komputer terhadap Orientasi Perbualan dan Orientasi Keakuran dan juga menentukan implikasi penggunaan

komputer terhadap kekerapan dan jangka masa berkomunikasi dalam keluarga petani Melayu di Malaysia

Hasil Kajian

Penggunaan Komputer dan Internet

Walaupun terdapat sebanyak 217 keluarga petani Melayu yang memiliki komputer dalam kajian ini, namun penggunaannya dalam kalangan ibu bapa adalah rendah, iaitu cuma 88 orang ibu atau bapa sahaja yang pernah menggunakan komputer tersebut, seperti yang dicatatkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 : Penggunaan komputer dan Internet

Penggunaan Komputer dan Internet			Frekuensi	Peratus (%)
Komputer (n = 217)	Ibu bapa	Ya	88	40.5
		Tidak	129	59.5
	Anak	Ya	206	95
		Tidak	11	5
Internet (n = 57)	Ibu bapa	Ya	28	49
		Tidak	29	51
	Anak	Ya	51	89.5
		Tidak	6	10.5

Sementara itu, dalam kalangan anak pula, walaupun terdapat 217 keluarga petani Melayu yang memiliki komputer, tetapi jumlah anak yang menggunakan komputer tersebut juga, bukanlah seratus peratus, iaitu hanya melibatkan seramai 206 orang anak sahaja yang menggunakan komputer tersebut.

Bagi penggunaan Internet pula, walaupun terdapat 57 keluarga petani Melayu yang komputer mereka disambungkan dengan Internet, namun penggunaan Internet oleh Ibu bapa cumalah seramai 28 orang sahaja. Bagaimanapun, terdapat 89.5 peratus anak-anak petani menggunakan internet walaupun jumlah komputer yang disambungkan dengan Internet iaitu sebanyak 57 buah keluarga.

Jangka masa Penggunaan Komputer

Analisis data bagi penggunaan komputer pula dapat dilihat dalam Jadual 4 di bawah. Bagi purata penggunaan komputer dalam beberapa kali seminggu adalah 4.69 kali (5 kali), manakala sisihan piawainya pula adalah 2.62 . Untuk purata jumlah jam penggunaan komputer setiap kali pula, nilai adalah 2.07 jam (2 jam), dan sisihan piawainya pula adalah 1.15. Hasil kajian ini menunjukkan secara purata responden menggunakan komputer dalam jumlah yang agak sederhana untuk seminggu, dan setiap kali penggunaan adalah dianggap tidak terlalu lama.

Jadual 4 : Jangka masa Penggunaan Komputer

Penggunaan Komputer	N	Min	Sisihan Piawai
Purata penggunaan komputer dalam beberapa kali seminggu	217	4.69	2.62
Purata jumlah jam penggunaan komputer setiap kali	217	2.07	1.15

Pola Komunikasi Keluarga

Instrumen untuk mengukur Pola Komunikasi Keluarga adalah dengan menggunakan *Revised Family Communication Patterns (RFCP)* yang diperkenalkan oleh Ritchie and Fitzpatrick (1990). RFCP ini mengandungi dua dimensi orientasi komunikasi iaitu dimensi orientasi perbualan yang terdiri daripada 15 soalan, dan dimensi orientasi keakuran pula terdiri daripada 11 soalan. Instrumen asal RFCP ini telah diterjemahkan

ke dalam Bahasa Malaysia. Instrumen ini menggunakan Skala Likert 1 – Sangat Tidak Setuju, 2 – Agak Setuju, 3 – Setuju, dan 4 – Sangat Setuju.

Prosedur analisa data yang dilakukan bagi mendapatkan nilai statistik pola komunikasi keluarga ialah dengan mencampurkan kesemua nilai 15 item bagi mendapatkan nilai purata skor untuk Orientasi Perbualan. Begitu juga 11 item Orientasi Keakuran, dilakukan prosedur yang sama bagi mendapatkan nilai purata skor.

Hasil analisis data, nilai purata skor bagi Orientasi Perbualan adalah 37.27, dengan sisihan piawainya bernilai 7.24 (Jadual 5). Purata skor bagi Orientasi Keakuran pula adalah 25.08 dengan sisihan piawainya pula adalah 5.93. Berdasarkan purata skor ini, boleh diandaikan keluarga petani Melayu dalam kajian ini adalah cenderung menggunakan orientasi perbualan berbanding orientasi keakuran. Ini bermakna keluarga petani Melayu di Malaysia membentuk suasana semua ahli keluarga adalah digalakkan untuk menyertai interaksi secara bebas dalam pelbagai topik dan isu, serta setiap ahli keluarga berinteraksi antara satu sama lain secara spontan.

Jadual 5 : Statistik Pola Komunikasi Keluarga

Pola Komunikasi Keluarga	N	Purata Skor	Sisihan Piawai
Orientasi Perbualan (15 Item)	217	37.27	7.24
Orientasi Keakuran (11 Item)	217	25.08	5.93

Kekerapan dan Jangka masa berkomunikasi

Jangka masa berkomunikasi diukur berdasarkan kekerapan berapa kali berkomunikasi dalam sehari, dan juga tempoh masa yang diluangkan untuk komunikasi antara ibu bapa dengan anak. Konsep masa keluarga berkomunikasi ini diukur menggunakan item yang menghendaki subjek menjawab mengenai kekerapan ibu bapa berkomunikasi

sesama mereka dan juga dengan anak-anak. Item tempoh masa yang diluahkan untuk berkomunikasi ditentukan dengan responden diminta menyatakan jumlah jam sehari yang diluahkan untuk berkomunikasi antara ibu dan bapa dan juga dengan anak.

Hasil analisis data seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah, purata kekerapan berkomunikasi dengan ibu adalah 5.64 (6 kali/sehari), dengan sisihan piawai adalah 3.26. Sementara itu, kekerapan berkomunikasi dengan bapa, puratanya pula adalah 4.84 (5 kali/sehari), dan sisihan piawainya adalah 3.14. Ini menunjukkan jumlah kekerapan interaksi antara anak dan ibu bapa mereka adalah relatif sederhana. Kadar interaksi ini memberi gambaran bahawa keluarga petani Melayu dalam kajian ini masih tidak mencapai tahap interaksi yang terlalu kerap.

Bagi jangka masa berkomunikasi dengan ibu, puratanya adalah 3.55 (4 jam/sehari), dan sisihan piawainya adalah 2.56. Untuk jangka masa berkomunikasi dengan bapa pula, minnya adalah 2.93 (3 jam/sehari), dan sisihan piawainya adalah 2.31. Kajian ini mendapati jumlah jam berinteraksi antara ahli keluarga petani dalam kajian ini adalah relatif lama untuk jangka masa sehari.

Jadual 6 : Kekerapan dan Jangka Masa Berkomunikasi

Berkomunikasi	N	Purata	Sisihan Piawai
Kekerapan berkomunikasi dengan ibu (kali/sehari)	217	5.64	3.26
Kekerapan berkomunikasi dengan bapa (kali/sehari)	217	4.84	3.14
Jangka masa berkomunikasi dengan ibu (jam/hari)	217	3.55	2.56
Jangka masa berkomunikasi dengan bapa (jam/hari)	217	2.93	2.31

Untuk melihat perkaitan penggunaan komputer dengan komunikasi keluarga petani Melayu dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah statistik Korelasi *Pearson-product-moment* memandangkan kesemua pemboleh ubah dan item yang akan di analisis ada data berbentuk interval.

Implikasi penggunaan komputer terhadap Orientasi Perbualan dan Orientasi Keakuran

Data dalam kajian ini dianalisis untuk mengenalpasti perkaitan antara penggunaan komputer dan penggunaan internet dengan komunikasi keluarga, cuma akan mengambil kira sejumlah 217 keluarga petani Melayu sahaja yang memiliki komputer, dan 57 keluarga yang mempunyai komputer yang disambungkan dengan internet. Kajian ini juga hanya memberi tumpuan kepada perspektif anak sahaja, kerana jumlah responden dalam kalangan anak yang menggunakan komputer adalah seramai 206 orang berbanding ibu bapa yang cuma melibatkan 86 orang sahaja. Bagi penggunaan Internet juga adalah sama, di mana anak-anak lebih ramai menggunakannya, iaitu seramai 51 orang berbanding ibu bapa yang cuma melibatkan 28 orang sahaja.

Untuk komunikasi keluarga juga, data yang akan dianalisis juga akan cuma membabitkan data daripada perspektif anak sahaja, iaitu pola komunikasi keluarga daripada perspektif anak dan juga jangkamasa berkomunikasi dalam keluarga daripada perspektif anak sahaja.

Fokus kepada anak juga adalah penting kerana kajian ini ingin melihat samada dengan adanya komputer dan Internet di rumah, adakah ianya akan memberikan kesan kepada jangkamasa berkomunikasi antara anak-anak dengan ibu bapa mereka, dan juga memberikan kesan kepada orientasi komunikasi dalam keluarga petani, ataupun dalam lain perkataan, wujudkah perkaitan antara penggunaan komputer dan Internet dengan pola komunikasi keluarga (orientasi perbualan dan keakuran)?

Untuk menentukan perkaitan penggunaan komputer dengan Orientasi Perbualan dan Orientasi Keakuran, pekali korelasi telah dikira melibatkan pemboleh ubah *Orientasi Perbualan* dan *Orientasi Keakuran*, dengan item purata penggunaan komputer dalam beberapa kali seminggu, dan purata jumlah jam penggunaan komputer setiap kali. Hasilnya dapat dilihat dalam Jadual 7 di bawah. Didapati tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara Orientasi Perbualan dengan Penggunaan Komputer yang ditunjukkan oleh nilai $r = -0.024$, $p > .05$, dengan purata penggunaan komputer dalam beberapa kali seminggu, dan nilai $r = -0.059$, $p > .05$ dengan purata jumlah jam penggunaan komputer setiap kali. Ini bermakna, apabila berlaku penggunaan komputer yang semakin kerap dan agak lama oleh anak petani, maka pola komunikasi mereka dengan ibubapa adalah kurang bersifat orientasi perbualan. Namun, kerana perkaitan ini tidak signifikan, boleh dirumuskan bahawa penggunaan komputer tidak mempengaruhi orientasi perbualan antara anak dan ibu bapa mereka.

Walau bagaimanapun, bagi pemboleh ubah Orientasi Keakuran dengan penggunaan komputer dari aspek kekerapan dan masa guna, didapati terdapat hubungan signifikan yang negatif dengan purata penggunaan komputer dalam beberapa kali seminggu ($r = -0.142$, $p < 0.05$) dan purata jumlah jam penggunaan komputer setiap kali ($r = -0.144$, $p < 0.05$). Ini membawa maksud bahawa, wujudnya perkaitan antara Orientasi Keakuran dengan penggunaan komputer di mana korelasinya adalah sederhana, tetapi berbentuk negatif. Boleh dikatakan semakin kurang kerap dan kurang masa yang digunakan untuk penggunaan komputer, maka pola komunikasi berorientasikan keakuran adalah meningkat. Perkaitan ini adalah signifikan dan memberi makna bahawa penggunaan komputer adalah dipengaruhi orientasi keakuran dalam proses interaksi antara anak petani Melayu dengan ibu bapa mereka. Anak-anak akan kurang menggunakan komputer apabila keluarga mengamalkan komunikasi berorientasikan keakuran yang tinggi.

Jadual 7 : Perkaitan antara Penggunaan Komputer dengan Orientasi Perbualan dan Orientasi Keakuran

		Purata penggunaan komputer dalam beberapa kali seminggu	D12-Purata jumlah jam penggunaan komputer setiap kali
Orientasi Perbualan	Korelasi		
	Pearson	-.024	-.059
	Sig. (2-hujung)	.721	.383
	N	217	217
Orientasi Keakuran	Korelasi		
	Pearson	-.142(*)	-.144(*)
	Sig. (2-hujung)	.037	.034
	N	217	217
			-.144(*)

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung).

* Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-hujung).

Implikasi Penggunaan Komputer terhadap kekerapan dan jangka Masa Berkomunikasi dalam keluarga

Bagi melihat perkaitan antara kekerapan dan jangka masa berkomunikasi dengan penggunaan komputer, kesemua keputusan ini ditunjukkan melalui pekali korelasinya. Hasilnya seperti dalam Jadual 8 di dapati tiga item kekerapan dan jangka masa berkomunikasi, iaitu item kekerapan berkomunikasi dengan ibu (kali/sehari), kekerapan berkomunikasi dengan bapa (kali/sehari), dan jangka masa berkomunikasi dengan ibu, tidak mempunyai hubungan yang signifikan langsung dengan penggunaan komputer yang diwakili oleh purata penggunaan komputer dalam beberapa kali seminggu, dan purata jumlah jam penggunaan komputer setiap kali.

Walau bagaimanapun, bagi jangka masa berkomunikasi dengan bapa pula, di didapati mempunyai hubungan yang signifikan, dengan purata jumlah jam penggunaan

komputer setiap kali, yang merupakan item dalam kelompok penggunaan komputer. Ini ditunjukkan oleh $r = 0.143$, $p < 0.05$ yang menunjukkan hubungan positif yang sederhana, antara jangka masa berkomunikasi dengan bapa dan purata jumlah jam penggunaan komputer setiap kali. Dapat dinyatakan bahawa semakin kerap dan lama penggunaan komputer dalam kalangan anak petani, maka semakin banyak interaksi dengan bapa mereka. Penggunaan komputer sebenarnya memberi implikasi terhadap jangka masa berkomunikasi antara anak dan bapa sahaja, tetapi tidak dengan ibu mereka.

Jadual 8 : Perkaitan antara Penggunaan Komputer dengan Kekerapan dan Jangka Masa Berkomunikasi

		D11-Purata penggunaan komputer dalam beberapa kali seminggu.	D12-Purata jumlah jam penggunaan komputer setiap kali
B4.1-Kekerapan berkomunikasi dengan ibu (kali/sehari)	Korelasi Pearson	-.024	-.017
	Sig. (2-hujung)	.724	.800
	N	217	217
B4.2-Kekerapan berkomunikasi dengan bapa (kali/sehari)	Korelasi Pearson	.023	.039
	Sig. (2-hujung)	.734	.567
	N	217	217
B6.1-Jangkamasa berkomunikasi dengan ibu	Korelasi Pearson	-.042	.062
	Sig. (2-hujung)	.536	.360
	N	217	217
B6.2-Jangkamasa berkomunikasi dengan	Korelasi Pearson	.033	.143(*)

bapa

Sig. (2-hujung)	.628	.035
N	217	217

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung).

* Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-hujung).

Kesimpulan

Berdasarkan definisi Orientasi Keakuran, ia adalah satu keadaan bila mana keluarga membentuk suasana yang menekankan homogen berkaitan sikap, nilai dan kepercayaan. Orientasi keakuran merujuk kepada keadaan bila mana komunikasi keluarga menekankan unsur-unsur kehomogenan berkaitan sikap, nilai dan kepercayaan. Keluarga yang tinggi orientasi keakurannya dikatakan mempunyai interaksi yang menekankan keseragaman kepercayaan, dan sikap. Interaksi mereka biasanya memberi fokus kepada keakuran, pengelakan konflik, dan saling bergantung sesama ahli keluarga. Kebiasaannya, ahli keluarga akan mentaati keputusan ibu bapa. Komunikasi dalam keluarga begini lebih menonjolkan elemen ketaatan kepada ibu bapa dan orang yang lebih tua (Koerner & Fitzpatrick, 2002).

Sekiranya sesebuah keluarga itu mempunyai nilai orientasi-keakuran yang rendah, interaksi dalam keluarga tersebut adalah lebih memberi fokus kepada sikap dan nilai yang heterogen, yang menonjolkan elemen-elemen individualistik dan penuh dengan kebebasan. Komunikasi dalam keluarga ini adalah refleksi kepada konsep kesamarataan dalam kalangan ahli keluarga, iaitu, anak-anak selalunya dilibatkan dalam proses membuat keputusan.

Penjelasan di atas adalah tepat untuk menjelaskan mengapa wujudnya perkaitan yang negatif antara dimensi Orientasi Keakuran dengan penggunaan komputer, iaitu apabila ibu bapa tinggi dalam dimensi ini, akan kurangnya penggunaan komputer dalam

kalangan anak-anak, kerana anak-anak akan lebih menekankan taat setia dan menurut perintah ibu bapa yang mungkin menghadkan penggunaan komputer dalam kalangan anak-anak mereka. Begitulah sebaliknya kalau dimensi ini rendah, akan kurangnya nilai ketaatan dan kesetiaan terhadap apa-apa arahan dan perintah daripada ibu bapa.

Begitu juga hasil kajian telah menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang positif antara jangka masa berkomunikasi dengan bapa, dengan penggunaan komputer. Ini membayangkan wujud suatu kerjasama antara anak-anak dengan ibu bapa mereka, apabila dikaitkan dengan komputer. Ada kemungkinan penggunaan komputer dalam kalangan ibu bapa, banyak dipengaruhi oleh tunjuk ajar anak-anak kepada mereka, dan ini mewujudkan perkaitan yang positif dalam keadaan ini.

Dapat disimpulkan di sini, di dapati terdapat implikasi negatif antara pemboleh ubah Orientasi Keakuran dengan ke dua-dua item di bawah penggunaan komputer, iaitu purata penggunaan komputer dalam beberapa kali seminggu, dan purata jumlah jam penggunaan komputer setiap kali.

Rujukan

Avtgis, T. A. (1999). The relationship between unwillingness to communicate and family communication patterns. *Communication Research Reports*, 16, 333-338.

Barbato, C. A., Graham, E. E., & Perse, E. M. (2001, November). *Comunicatin in the family: An examination of the relationship of family communication climate and interpersonal communication motives*. Kertas kerja yang di bentangkan di National Communication Association Convention, Atlanta, GA.

- Chaffee, S. H., McLeod, J. M., & Wackman, D. B. (1970). Family communication patterns and adolescent political participation. In J. Dennis (Ed.) *Explorations of political socialization*. New York: Wiley.
- Chaffee, S. H., & Tims, A. R. (1976). Interpersonal factors in adolescent television use. *Journal of Social Issues*, 32, 98-115.
- Fitzpatrick, M. A., & Ritchie, D. L. (1994). Communication schemata within the family: Multiple perspectives on family interaction. *Human Communication Research*, 20, 275-301.
- Guilford, J. P., & Ruchter, B. (1973), *Fundamental Statistic in Psychology and Education*. Edisi Kelima. New York, McGraw Hill
- Jackson, L.A., Von Eye, A., Barbatsis, G., Biocca, F., Zhao, Y., & Fitzgerald, H. E. (2003). Internet attitudes and Internet use: Some surprising findings from the HomeNetTOO project. *International Journal of Human-Computer Studies*, 59, 355-382.
- Koerner, A. F., & Fitzpatrick, M. A. (1997). Family type and conflict: the impact of conversation orientation and conformity orientation on conflict in the family. *Communication Studies*, 48, 59-75.
- Koerner, A. F., & Fitzpatrick, M. A. (2002). Understanding family communication patterns and family functioning: The roles of conversation orientation and conformity orientation. *Communication Yearbook*, 26, 37-69.
- Lenhart, A., Raine, L., & Lewis, O. (2001). *Teenage Life Online: The rise of the instant-message generation and the Internet's impact on friendships and family relationships*. Diakses pada 20 Desember 2009, daripada http://www.pewinternet.org/report_display.asp?r=36
- Lenhart, A., Madden, M., & Hitlin, P. (2005). *Teens and technology*. Washington, DC: Pew and American Life Project.
- Livingstone, S., & Bober, M. (2004). UK children go online. London: London School of Economics.
- McNeal, R. Jr. (1999). Parental involvement as social capital: Differential effectiveness on science achievement, truancy and dropping out. *Social Forces*, 78, 117-144.
- McLeod, J. M., Harburg, E., & Price, K. O. (1966). Socialization, liking and yielding of opinions in imbalanced situations. *Sociometry*, 29, 197-212.
- Mesch, G. S. (2003). The Internet and intergenerational relationships. *Social Science Quarterly*, 84, 1038-1050.

- Mesch, G. S. (2006). Family Relations and the Internet: Exploring a Family Boundaries Approach. *The Journal of Family Communication* 6(2), 119–138
- Nie, N.H., Simpsen, A., Stepanikova, I., & Zheng, L. (2004). *Ten years after the birth of the Internet, how do Americans use the Internet in their daily lives?* Stanford, CA: Stanford Center for the Quantitative Study of Society.
- Nie, N.H., Hillygus, D. S., & Erbing, L. (2002). Internet use, interpersonal relationships, and sociability: A time diary study. In B. Wellman & C. Haythornthwaite (Eds.), *The Internet in everyday life* (215–244). Oxford, England: Blackwell.
- Orrego, V. O., & Rodriguez, J. (2001). Family communication patterns and college adjustment: The effects of communication and conflictual independence on college students. *The Journal of Family Communication*, 3, 175-189.
- Ritchie, D. L., & Fitzpatrick, M. A. (1990). Family communication patterns: Measuring interpersonal perceptions of interpersonal relationships. *Communication Research*, 17, 523-544.
- Stone, V. A., & Chaffee, S. H. (1970). Family communication patterns and source-message orientation. *Journalism Quarterly*. 47. 239-245.
- Turow, J. (2001). Family boundaries, commercialism, and the Internet: A framework for research. *Applied Developmental Psychology*. 22, 73–86.